

13 OCT 1996

Abdullah-Vietnam

ABDULLAH HADIRI MESYUARAT SURUHANJAYA BERSAMA MALAYSIA-VIETNAM

HANOI, 13 Okt (Bernama) -- Apabila Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi tiba di sini Khamis depan untuk menghadiri mesyuarat peringkat tinggi dengan para pegawai Vietnam, ia akan menandakan bahawa hubungan dua hala antara Malaysia dan Vietnam maju setapak lagi.

Orang hanyut Vietnam yang terakhir di kem pendatang tanpa izin di Sungai Besi telah dihantar pulang kira-kira tiga bulan lepas di bawah program penghantaran pulang secara teratur Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu manakala Malaysia kini muncul sebagai satu daripada pelabur asing terbesar di Vietnam.

Dengan permulaan baru, para pegawai Malaysia pada Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Malaysia-Vietnam (JCM) kedua berharap akan dapat mengenalpasti bidang-bidang kerjasama yang baru serta mempertingkatkan hubungan yang sedia ada.

"Tiada lagi isu-isu besar yang perlu mendapat perhatian JCM dan kami berharap untuk mempertingkatkan kerjasama di dalam semua lapangan," kata Duta Besar Malaysia Cheah Sam Kip kepada Bernama.

Beliau berkata isu utama yang menjadi duri dalam daging dalam hubungan kedua-dua negara sebelum ini ialah masalah orang hanyut Vietnam dan perkara itu kini telah diselesaikan.

Mesyuarat Suruhanjaya Bersama kedua antara Malaysia dan Vietnam itu akan mengawasi dan memberikan tumpuan kepada perjanjian kerjasama antara kedua-dua negara anggota Asean itu, kata Cheah.

Abdullah akan mengetuai delegasi Malaysia ke mesyuarat itu manakala rakan sejawatannya Nguyen Manh Cam akan mengetuai delegasi tuan rumah. Kedua-dua mereka juga adalah pengerusi bersama JCM yang pertama sebelum ini.

Agenda pada mesyuarat Sabtu ini akan merangkumi kesemua aspek dalam hubungan antara Malaysia dan Vietnam, anggota terbaru Asean yang menyertai perkumpulan serantau itu pada Julai tahun lepas.

Kedua-dua menteri luar itu juga dijangka akan mengambil peluang itu untuk membincangkan isu-isu serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

Abdullah juga dijangka mengadakan kunjungan hormat terhadap Perdana Menteri Vo Van Kiet dan Setiausaha Agung Parti Komunis Vietnam, Do Moi.

Di samping menilai kemajuan dalam bidang kerjasama dua hala, mesyuarat itu akan turut membincangkan isu-isu perdagangan dan pelaburan.

Malaysia ialah pelabur ketujuh terbesar dengan pelaburan kira-kira AS\$930 juta dalam 49 buah projek. Semasa lawatan tiga hari itu, Abdullah dijadualkan menemui masyarakat perniagaan Malaysia di Hanoi dan Bandaraya Ho Chi Minh.

Sejak menjalinkan kedutaan di Hanoi pada 1976, hubungan Malaysia-Vietnam meningkat secara beransur-ansur, khususnya dalam tempoh beberapa tahun lepas yang dicerminkan oleh pertukaran lawatan peringkat tertinggi yang melibatkan kunjungan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Vo Van Kiet dan pemimpin parti komunis Do Moi.

Mesyuarat JCM Malaysia-Vietnam yang pertama diadakan di Kuala Lumpur pada September tahun lepas, dua bulan selepas negara komunis Vietnam menyertai Asean.

Perjanjian Ekonomi, Saintifik dan Teknikal yang dimeterai oleh kedua-dua negara pada April 1992 menetapkan penubuhan sebuah suruhanjaya

bersama peringkat menteri antara kedua-dua negara.

Bagaimanapun hubungan erat yang wujud sekarang tidak terjalin dalam tempoh yang singkat serta tidak bebas daripada dilanda masalah.

Seorang penganalisis berkata: "Adalah benar bahawa bagi Malaysia, isu pendatang haram Vietnam telah tamat, tetapi Malaysia dan Vietnam adalah pihak yang membuat tuntutan terhadap Kepulauan Spratly di laut China Selatan."

Isu yang boleh mengancam keamanan serantau itu setakat ini dapat dibendung menerusi kerjasama dua hala serta perjanjian penerokaan simpanan minyak dan gas asli di Laut Cina Selatan antara negara-negara yang terbabit, kata beliau.

Satu lagi isu yang boleh memberikan masalah, kata beliau, ialah "masalah birokrasi" yang menjadi halangan kepada kegiatan perniagaan.

Pada JCM yang pertama, Malaysia mahu Vietnam mengemaskinikan perkara-perkara teknikal yang melambatkan kelulusan lesen dan permit yang turut dihadapi oleh semua negara yang berurusan dengan Vietnam.

Perkara itu ditimbulkan sekali lagi oleh Setiausaha Agung Asean Datuk Ajit Singh pada satu seminar pelaburan di Bandaraya Ho Chi Minh dua bulan lepas apabila beliau berkata: "satu daripada komitmen asas bagi negara-negara yang mengambil bahagian dalam kegiatan ekonomi Asean ialah ketelusan, iaitu undang-undang dan peraturan mestilah telus."

Malaysia dan Vietnam sehingga kini menandatangani 13 perjanjian dua hala yang boleh menjadi asas kepada kegiatan perniagaan antara kedua-dua negara. -- BERNAMA

MGM RON